

02/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos
1 jam



JABATAN PELAJARAN PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SELARAS
PENILAIAN MENENGAH RENDAH
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2010

BAHASA MELAYU
KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Soalan 1-7


Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



- 1 Kanak-kanak yang hampir lemas itu, _____ meminta tolong untuk menyelamatkannya.
- A berjerit-jerit
 - B menjerit-jerit
 - C terjerit-jerit
 - D jerit-jerit

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Corak permainan yang _____ telah membolehkan Datuk Lee Chong Wei berjaya mengalahkan lawannya dalam masa 40 minit sahaja.
- A tepat
 - B cepat
 - C cergas
 - D tangkas
- 3 Dengan bantuan orang ramai, pihak polis telah berjaya _____ tempat persembunyian penjenayah yang paling dikehendaki itu.
- A memantau
 - B mengekori
 - C menemukan
 - D menangkap

SULIT

3

- 4 Wang sebanyak itu _____ oleh mereka.
- A mengumpul
B terkumpul
C kumpulan
D kumpul
- 5 _____ karya Siti Aminah sering disiarkan dalam akhbar tempatan.
- A Kisah-kisah
B Cerpen-cerpen
C Frasa-frasa
D Ayat-ayat
- 6 Adik mempunyai tabiat _____ tangan ke dalam saku seluar sewaktu bercakap dengan orang lain.
- A memasukkan
B memasuki
C meletakkan
D meletakan
- 7 Kak Timah _____ ubi rebus sehingga halus untuk dibuat kuih.
- A menguli
B menggelek
C melecek
D melumur

Soalan 8 – 14

Ayat-ayat yang berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- 8 Bertemu antara Amin dan ibunya yang telah berpisah puluhan tahun itu amat menyentuh
A B C
hati ramai orang. Tiada kesalahan
D
- 9 Para pengunjung yang menghadiri pameran buku itu berpeluang membeli buku dengan harga
A B C
yang murah. Tiada kesalahan
D
- 10 Ibu bapa haruslah mendidik dan menunjuk sifat-sifat yang terpuji agar menjadi contoh kepada
A B C
anak-anak. Tiada kesalahan
D

- 11 Bapa mendapat selesema kerana kehujanan sewaktu pulang dari pejabat semalam.
A B C
Tiada kesalahan
D
- 12 Pertandingan mewarna itu sangat meriah kerana mendapat sambutan hangat dari kanak-kanak.
A B C
Tiada kesalahan
D
- 13 Pelajar tampan itu menjadi kebanggaan sekolah kerana dia sering mengharumkan nama sekolah dalam pelbagai kegiatan kokurikulum. Tiada kesalahan
A B C
D
- 14 Permandangan di pantai Teluk Batik amat mempesonakan kerana kebiruan air lautnya.
A B C
Tiada kesalahan.
D

Soalan 15 hingga soalan 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.

- 15 I Kami *menyambut* hari jadi adik yang ke-17 di Hotel Singgahsana.
II Ayah *menyambut* tali yang putus itu supaya boleh digunakan semula.
III Kakitangan pejabat Kedutaan telah *menyambut* ketibaan Perdana Menteri dengan hamparan permaidani merah.
IV Rosdi bersedia untuk *menyambut* buah rambutan yang dicampakkan oleh Raju.
A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, III dan IV sahaja
- 16 I Peserta bengkel penulisan sajak sedang *mentafsirkan* sajak karya Usman Awang.
II Daripada air mukanya, kami dapat *mentafsirkan* bahawa dia dalam kesedihan.
III Kuasa untuk *mentafsirkan* undang-undang adalah di bawah bidang mahkamah.
IV Kerajaan sedang *mentafsirkan* kerugian harta benda dalam kebakaran sederet rumah kedai di Jalan Petaling.
A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, III dan IV sahaja

- 17 I Biarkan ais itu *larut* terlebih dahulu sebelum dituang ke dalam jag.
II Sudah *larut* malam tetapi emak masih menjahit.
III Garam akan *larut* apabila dimasukkan ke dalam air.
IV Pada usia yang telah *larut*, Pak Man masih belum bertemu jodoh.
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 18 hingga Soalan 21

Sebahagian daripada ayat yang berikut telah digaris. Bahagian yang bergaris itu mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Jika anda menganggap bahawa bahasa bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, anda hendaklah menandakan A, B, atau C sebagai pilihan jawapan anda. Jika tiada kesalahan tandakan D.

- 18 Pengarah drama Nur Kasih amat sukakan bakat dan kesungguhan pelakon itu.
- A amat suka akan bakat
B amat-amat suka bakat
C teramat sukakan bakat
D amat sukakan bakat
- 19 Separuh daripada pelajar asrama sekolah kami kena keracunan makanan pada hari Isnin yang lalu.
- A keracunan makanan
B kena makanan beracun
C terkena racun makanan
D kena keracunan makanan
- 20 Tugas guru yang paling penting sekali adalah membimbing pelajar supaya menjadi insan yang seimbang.
- A Tugas guru yang terpenting
B Tugas guru yang paling penting
C Tugas guru yang paling terpenting
D Tugas guru yang paling penting sekali
- 21 Keazaman dan ketekunan akan membawa kita ke arah kecemerlangan.
- A Keazaman dan tekun
B Azam dan ketekunan
C Berazam dan bertekun
D Keazaman dan ketekunan

Soalan 22 - 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 22 **Harapan kita semoga Malaysia menjadi sebuah negara yang mampu menawan angkasa raya pada masa hadapan.**
- A Semoga Malaysia mampu menawan dunia angkasa pada masa hadapan.
 - B Sebagai sebuah negara maju pada masa hadapan Malaysia pasti mampu menawan angkasa raya.
 - C Kita berharap pada masa hadapan, Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang mampu menawan angkasa raya.
 - D Harapan kita, angkasa raya Malaysia mampu ditawan pada masa hadapan.
- 23 **Kejayaan Amir mengusahakan ternakan ikan keli menjadi buah mulut orang kampung.**
- A Penduduk kampung sering berbual tentang ternakan ikan keli Amir.
 - B Penduduk kampung sering berbual tentang kejayaan Amir dan ikan kelinya.
 - C Nama Amir menjadi sebutan orang kampung kerana kejayaannya sebagai penternak ikan keli.
 - D Orang kampungnya bercakap-cakap tentang kejayaan Amir mengusahakan ternakan ikan keli.
- 24 **Pak Mat terus aktif memperjuangkan tulisan jawi setelah bersara sebagai guru.**
- A Setelah bersara, Pak Mat tetap aktif memperjuangkan tulisan jawi.
 - B Walaupun telah bersara sebagai guru, Pak Mat terus aktif memperjuangkan tulisan jawi.
 - C Tulisan jawi tetap diperjuangkan oleh Pak Mat secara aktif.
 - D Tulisan jawi Pak Mat terus diperjuangkan walaupun beliau telah bersara secara aktif.

Soalan 25 - 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 25
- I Dia terdiam apabila ditanya tentang perkara itu.
 - II Burung murai itu terbang tinggi.
 - III Permohonan pelajar-pelajar itu telah diluluskan.
 - IV Kami sekeluarga berkelah dekat Lata Kekabu.
- A I dan III sahaja
 - B II dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

- 26 I Saya berasa terharu amat mengenangkan nasibnya yang malang.
II Masakan tukang masak itu paling pedas.
III Kelakuan pelajar itu baik sekali.
IV Sungai-sungai itu agak dalam.
- A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 27 I Setiap kali dia datang ada sahaja bawaannya.
II Menteri Pelajaran meninjau pelaksanaan PPSMI di sekolah sebelum Peperiksaan Menengah Rendah dijalankan.
III Penduduk kampung itu menggembleg tenaga untuk membina jambatan baharu di kampung mereka.
IV Tindakan perlu diambil untuk mengawal anak-anak muda yang melepak di jalan-jalan raya.
- A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 28 – 30

Pilih peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan-pernyataan berikut.

- 28 Kemiskinan hidup menyebabkan Aiman terpaksa menapak ke sekolah setiap hari sejauh 3 kilometer. Namun, semua itu bukan masalah besar kepada Aiman kerana
- A alah main, menang sorak.
B alah bisa tegal biasa.
C alah limau oleh benalu.
D alah di rumpun betung.
- 29 Peribahasa belut kena ranjau bermaksud
- A sangat licik hingga terperangkap.
B susah senang di tempat sendiri.
C orang pandai pun, ada masa silap juga.
D perantau pulang ke tempat asalnya.
- 30 Pakaian yang tidak sesuai untuk dipakai masyarakat Malaysia yang dikatakan kaya dengan adab dan sopan.
- A mencolok mata
B menjolok mata
C mencolek hati
D mencolek rasa

- 33 Frasa *orang tengah* dalam petikan di atas bermaksud
- A orang yang mendapat keuntungan atas angin.
 - B orang yang selalu menjadi suruhan.
 - C orang yang menjadi perantaraan.
 - D orang ketiga.
- 34 Persoalan-persoalan yang diutarakan dalam petikan cerpen adalah seperti berikut, kecuali
- A kepentingan melindungi hidupan liar.
 - B perasaan kasih sayang sesama makhluk ciptaan Tuhan.
 - C cara-cara melindungi spesies haiwan yang diancam kepupusan.
 - D kepentingan mewujudkan hubungan yang erat antara anggota keluarga.
- 35 Apakah kesudahan cerpen Erti Kasih Makna Sayang ini?
- A Busut dan Cendawan mati kerana kecederaannya gagal diubati.
 - B Busut dan Cendawan pulih daripada kecederaan dan terus tinggal dalam kurungan.
 - C Setelah pulih Busut dan Cendawan dihantar ke Pusat Pemulihan Hidupan Liar di Lanjak-Entimau.
 - D Cendawan bersalaman dengan Indusai untuk mengucapkan selamat tinggal kepada keluarga Antagi.

Soalan 36 – 40

Baca syair di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. Pilih jawapan yang paling sesuai.

SYAIR CINTAI ALAM SEKITAR

Aduhai adikku kakak berpesan,
Kelak dirimu jadikan panduan,
Cintailah keindahan jaga kebersihan,
Persekitaran indah tiada pencemaran.

Kempen kebersihan bersama dihayati,
Udara nyaman pasti dinikmati,
Sihat badan wajah berseri,
Negara aman hidup harmoni.

Jadilah warga bertimbang rasa,
Kepada alam membuat jasa,
Tanah dan tumbuhan dipelihara,
Kerosakan tiada bumi sejahtera.

Air sungai mengalir damai,
Ombak berlagu memukul pantai,
Unggas bernyanyi suasana permai,
Di hari minggu kita bersantai.

Jerebu berleluasa melanda negara,
Kebakaran dan kilang punca angkara,
Lapisan ozon semakin derita,
Tanamkan kesedaran atasi segera.

Amalan meludah membuang sampah,
Mengotorkan sekitar mesti ditegah,
Menghisap rokok menagih dadah,
Perbuatan yang buruk perlu dicegah.

Balak ditebang sesuka hati,
Tanah runtuh di sana sini,
Rancang pembangunan dengan teliti,
Wujudkan keseragaman pentingkan kualiti

Pelbagai bunga menghias taman,
Dapat dilihat sepanjang jalan,
Indah pemandangan destinasi pelancongan,
Majukan negara tingkatkan pendapatan.

Wahai adikku dengarlah tuan,
Bumi ini amanah Tuhan,
Jangan suka membuat kerosakan,
Nyawa terancam mengganggu kesihatan.

Bumi ini amanah Tuhan,
Dijaga rapi ke akhir zaman,
Usah dicari kemurkaan Tuhan,
Kelak nanti ditimpa seksaan.

Tanah, udara dan lautan,
Allah kurnia pelbagai kegunaan,
Mesti dihayati penuh kesyukuran,
Pasti dilimpahi pelbagai kurniaan.

Sampai hati membuat kerosakan,
Menangis bumi banyak pencemaran,
Tanah, sungai, parit, lautan,
Kotor ditaburi sisa buangan.

Sematkan di jiwa semangat iltizam,
Janganlah suka berbuat kejam,
Flora dan fauna tidak terancam,
Kehidupan di dunia aman tenteram.

Gunakan minda dan kreativiti,
Mencanai lukisan ukiran seni,
Hiasan artifak menambah seri,
Sekitar indah hidup harmoni.

Rafe'ah Abdullah Rahman

(Dipetik daripada Antologi
Anak Bumi Tercinta, Tingkatan 3, DBP)

Ombak berlagu memukul pantai

- 36 Baris kedua dalam rangkap keempat syair di atas merupakan gaya bahasa.....
- A metafora.
 - B inversi.
 - C hiperbola.
 - D personifikasi.
- 37 Jenis syair 'Cintai Alam Sekitar' ialah.....
- A syair nasihat.
 - B syair sejarah.
 - C syair agama.
 - D syair romantis.
- 38 Apakah sikap negatif manusia yang terdapat dalam syair 'Cintailah Alam Sekitar'?
- A Bersantai bersama-sama dengan keluarga di tepi pantai.
 - B Membuang sisa industri di persekitaran.
 - C Memelihara fauna dan flora.
 - D Menjaga dan memelihara alam sekitar.
- 39 Apakah langkah yang perlu diambil untuk memelihara alam sekitar berdasarkan syair di atas?
- A Menggalakkan anggota masyarakat menanam pokok bunga.
 - B Mendenda individu yang mencemarkan alam sekitar.
 - C Menjalankan kempen kebersihan alam sekitar.
 - D Mengadakan pameran-pameran berkaitan alam sekitar.
- 40 Berikut adalah faedah-faedah yang akan didapati apabila alam sekitar terpelihara kecuali.....
- A negara yang indah melahirkan hati yang ceria dan gembira.
 - B badan sihat akan melahirkan negara yang aman dan makmur.
 - C negara semakin maju dan moden bersama-sama dengan rakyat yang sihat.
 - D tanah-tanah dapat diterokai dan pokok-pokok ditebang serta bukit-bukit diruntuhkan untuk pembangunan negara.

KERTAS SOALAN TAMAT